

27/10/1998

Pandangan Mahathir diterima

KETUA pembangkang, Lim Kit Siang, bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak memerlukan samseng jalanan.

"Setiap rakyat Malaysia harus sedar mengenai perlu mengekalkan tahap disiplin tinggi untuk menjaga ketenteraman awam dan undang-undang," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam ucapannya hampir dua jam itu, Lim turut menyentuh isu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), krisis keyakinan terhadap sistem kehakiman negara serta dasar ekonomi yang disifatkan sebagai tidak membantu memulihkan ekonomi.

Beliau meminta kerajaan memberi ruang demokratik lebih luas untuk rakyat menikmati hak asasi yang dilindungi perlembagaan.

Katanya, hak asasi itu termasuk kebebasan berhimpun secara aman dan menyuarakan perasaan serta menuntut keadilan tanpa bimbang tindakan pihak berkuasa.

Lim yang juga Ahli Parlimen Tanjong, mendakwa Malaysia menghadapi krisis politik yang serius dan perlu diselesaikan sebelum krisis ekonomi boleh ditangani.

Beliau mencadangkan Perdana Menteri membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum bagi mendapatkan mandat jelas supaya rakyat dapat bersatu menangani krisis ekonomi paling buruk dalam sejarah negara.

(END)